

17 MENINGKATKAN RASA HORMAT TERHADAP BAHASA MELAYU DALAM KONTEKS SINGAPURA MELALUI PEMBELAJARAN BERGERAK: SATU KAJIAN KES

Hezrina Johan Manikam
hezrina_johan_manikan@moe.eud.sg

Marini Hassan
marini_hassan@moe.edu.sg

Sekolah Menengah CHIJ Katong Convent

ABSTRAK

Pelajar-pelajar bahasa Melayu Singapura kurang selesa menggunakan bahasa ibunda dalam kelas Bahasa Melayu. Pelajar juga didapati kurang yakin menyampaikan idea dalam bahasa tersebut. Adakah terdapat kaitan di antara rasa kurang selesa atau kurang yakin mereka terhadap bahasa Melayu dengan kurangnya rasa hormat terhadap bahasa tersebut? Dengan meningkatkan rasa hormat terhadap bahasa Melayu, pelajar akan lebih selesa dan yakin menggunakan bahasa tersebut dalam konteks kehidupan harian di Singapura. Dalam pada itu, pelajar juga didapati menampakkan rasa kurang selesa atau yakin jika tugas bahasa Melayu melibatkan penggunaan teknologi maklumat. Adakah pembelajaran bergerak atau *mobile learning* berupaya meningkatkan keselesaan atau keyakinan pelajar-pelajar dalam penggunaan bahasa Melayu? Reka bentuk kajian terpilih berbentuk kuantitatif untuk mengetahui kaitan di antara pembelajaran bergerak dan peningkatan rasa hormat pelajar terhadap Bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan kaedah yang digunakan berjaya meningkatkan rasa hormat pelajar terhadap bahasa Melayu dan keyakinan menggunakan bahasa tersebut.

Kata kunci

Pembelajaran Bergerak, Hormat, Keyakinan



PENGENALAN

Pembelajaran bergerak atau *mobile learning* merupakan pembelajaran yang berlaku semasa pelajar berada di luar lokasi pelajaran seperti bilik darjah ataupun ketika pelajar mengambil peluang pembelajaran yang ditawarkan oleh teknologi maklumat. Dalam pada itu, pelajaran yang dijalankan kekal mengikut skema kerja terancang namun perubahan pada bentuk pembelajaran membenarkan pelajar menentukan hak atau dalam istilah Bahasa Inggeris, *take ownership*, atas pembelajaran mereka sendiri. Dengan ini, pengajaran dan latihan pembelajaran menjadi lebih bermakna bagi diri pelajar tersebut. Berdasarkan pengetahuan ini, pembelajaran bergerak dipilih sebagai kaedah pengajaran dalam usaha meningkatkan rasa hormat pelajar terhadap Bahasa Melayu. Jika biasanya ada pelajar yang mungkin mengeluh kerana merasa tertekan akibat kesukaran menyampaikan idea dan pandangan dalam Bahasa Melayu, perubahan bentuk pembelajaran boleh mengurangkan tekanan ini.

Berbekalkan teknologi maklumat seperti iPad dan perisian *ThinkLink*, pelajar berupaya memandu pembelajaran mereka sendiri mengikut keupayaan dan keselesaan mereka tanpa mengorbankan mutu tugas yang dihasilkan. Dengan berubahnya sekitaran pelajaran mereka, pelajar tidak perlu berasa takut untuk mempelajari bahasa Melayu disebabkan oleh kelemahan penguasaan bahasa Mereka. Apabila pelajar diberikan kebebasan dan hak untuk menentukan proses pembelajaran sendiri dengan menggunakan konsep *empowering the learner*, diharapkan pelajar akan kembali menghormati Bahasa Melayu kerana proses dan hasil pembelajaran kini boleh dikawal oleh mereka dengan lebih baik lagi.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk:

1. meninjau keberkesanan pembelajaran bergerak dalam meningkatkan keselesaan dan keyakinan para pelajar terhadap bahasa Melayu;



2. mengenal pasti hubungan di antara rasa hormat pelajar terhadap Bahasa Melayu dan kesediaan para pelajar menggunakan Bahasa Melayu; dan
3. meneliti keupayaan para pelajar menggunakan Bahasa Melayu dengan lebih selesa dan yakin melalui penggunaan teknologi maklumat.

PERMASALAHAN KAJIAN

Berdasarkan sesi temu bual guru bersama para pelajar sebelum pembelajaran bergerak ke Persisiran Marina dijalankan, ramai pelajar berbangsa Melayu dan pelajar subjek Bahasa Melayu menyatakan bahawa mereka kurang upaya untuk mengaitkan Bahasa Melayu dengan tarikan Singapura yang baharu lagi moden ini. Persisiran Marina merupakan lokasi yang dipilih bagi pembelajaran bergerak tahun ini. Para pelajar Bahasa Melayu menjangkakan lawatan ke tempat-tempat tradisional Melayu seperti Kampung Gelam atau Geylang Serai. Jangkaan awal pelajar ini mencerminkan pemikiran yang boleh ditafsir sebagai lapuk kerana stereotaip terhadap Bahasa Melayu sebagai bahasa yang kurang sesuai digunakan dalam konteks moden seperti Persisiran Marina.

Sebaliknya, ramai pelajar beranggapan bahawa Bahasa Inggeris dianggap bahasa yang sesuai untuk membantu pelajar dalam mengekspresi diri dengan selesa dan yakin jika sekitaran yang ditimbulkan itu secanggih Marina Bay. Pelajar-pelajar Menengah 1 yang terlibat dalam pembelajaran bergerak ini merupakan gabungan pelajar-pelajar berbangsa Melayu yang secara umumnya kurang yakin berbahasa Melayu dan beberapa pelajar berbangsa asing yang kurang selesa menggunakan bahasa kedua mereka dalam berkomunikasi. Guru mendapati ramai pelajar yang menyertai kajian ini masih berpandangan lapuk, memiliki pandangan yang agak negatif terhadap penggunaan dan penguasaan bahasa Melayu pelajar umumnya kurang berkesan.



KAJIAN LEPAS

Beberapa kajian di luar negara telah dijalankan yang bertujuan mengukur keberkesanan pembelajaran bergerak atau *mobile learning* telah dijalankan oleh organisasi-organisasi swasta yang turut disokong pemerintah kerana infrastruktur telekomunikasi segajit dan alat mudah alih membolehkan pengetahuan dan sumber dikongsi dengan mudah lagi cepat. Contohnya MoLeNET atau *mobile learning network* merupakan salah satu inisiatif pemerintah negara Britain yang melibatkan 115 maktab dan 29 sekolah untuk membina jaringan pembelajaran bergerak selain perkongsian maklumat serta projek-projek yang pernah atau sedang dijalankan. Kajian ini menunjukkan dapatan yang positif mengenai respons pelajar terhadap peningkatan pembelajaran mereka.

Peralatan canggih yang dibina membolehkan pembelajaran bergerak dilaksanakan. Namun, peralatan canggih yang dicipta memiliki keterbatasannya sendiri yang boleh menjejaskan pembelajaran. Yushin Shih (2007) telah membina model pembelajaran bergerak yang bertujuan untuk memperbaiki hasil pembelajaran. Model yang dihasilkan oleh Shih boleh diadaptasi bagi pembelajaran di peringkat universiti atau bagi pelajar yang buta. Namun Model ini belum lagi dicuba bagi para pelajar di peringkat sekolah rendah dan menengah.

McConatha, Douglas. Praul, Matt. Lynch, Michael J. (2008), menjelaskan bahawa pembelajaran bergerak merupakan alat bagi pengajaran yang boleh membantu guru dan pelajar dalam suasana pengajaran dan pembelajaran moden dan dunia yang pesat berkembang.

Kejayaan pembelajaran bergerak menurut Kukulska-Hulme, Agnes. (2007) bergantung kepada faktor manusia dan teknologi. Kedua-dua faktor ini menentukan sama ada pelajar beranggapan bahawa pembelajaran bergerak bernilai ataupun tidak. Sekiranya terdapat kekurangan pada salah satu faktor tersebut boleh menimbulkan kesan negative terhadap pembelajaran pelajar.

Traxler (2007) pula menyatakan bahawa pelaksanaan dan penggunaan pembelajaran bergerak pesat berkembang tetapi



komponen teori dan konsep yang menyokong penggunaannya masih jauh ketinggalan termasuklah dari segi penilaian. Penyokong penggunaan pembelajaran bergerak telah berusaha untuk mengkonsepkan perkara tersebut menggunakan beberapa konteks termasuklah dari sudut teknologi dan pengalaman pembelajaran. Fitur atau ciri pembelajaran bergerak yang membolehkan penggunaannya merasakan pengalaman peribadi dan penggunaannya yang mudah menyebabkan sukar untuk mentakrifkan apa itu sebenarnya pembelajaran bergerak. Percubaan untuk menilai dan mengkategorikan pembelajaran bergerak boleh menjejaskan fitur atau ciri yang membezakan pembelajaran bergerak dengan pembelajaran secara tradisional.

Dalam pada itu, penyelidikan yang cuba mengait pembelajaran bergerak dengan sikap pengguna bahasa belum lagi ditemukan kecuali sebuah tesis karya seorang mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia, Jeyavany A/P Eswaran (2008), yang hampir mirip kerana kajian ini mendapati bahawa penggunaan teknologi maklumat berjaya menjana sikap positif pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Inggeris.

Oleh kerana kajian-kajian lepas lebih menjurus ke arah aspek-aspek tertentu, dalam kajian kes ini penyelidikan yang dijalankan mungkin boleh menghasilkan dapatan yang baharu.

KAEDAH KAJIAN

Kajian kes ini dijalankan melalui kaedah soal-selidik yang dilaksanakan sebelum pembelajaran bergerak dijalankan. Dalam sesi tersebut, pelajar-pelajar ditanyakan beberapa soalan terbuka secara bertulis untuk mengundang respon mereka berkenaan perkara-perkara seperti objektif lawatan dan jangkauan pelajar. Ianya dijalankan semasa latihan pra-lawatan sewaktu kelas Bahasa Melayu. Pemerhatian pula dilakukan semasa pembelajaran bergerak berlangsung selama tiga jam di Persisiran Marina. Kedua-dua guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah CHIJ Katong Convent telah memerhatikan kumpulan-kumpulan tertentu sepanjang tempoh lawatan dengan tumpuan diberi kepada cara anggota berinteraksi dalam menyelesaikan lembaran kerja yang diberi, penggunaan teknologi maklumat untuk mencari jawapan serta bahasa yang



digunakan semasa perbincangan dilaksanakan. Temu bual pula dijalankan ke atas tiga pelajar yang dipilih secara rambang dari setiap aliran untuk mengetahui jika objektif lawatan serta jangkaan mereka dipenuhi.

Subjek Kajian

Subjek kajian merupakan para pelajar Menengah satu kohort 2013. Mereka terdiri daripada pelajar-pelajar kursus Bahasa Melayu Lanjutan, Bahasa Melayu Ekspres, Bahasa Melayu aliran Normal Akademik dan Bahasa Melayu aliran Normal Teknikal. Seramai 3 pelajar dalam kursus Bahasa Melayu Lanjutan, 14 Bahasa Melayu Ekspres, 13 Bahasa Melayu Normal Akademik dan 10 Bahasa Melayu Normal Teknikal yang terlibat dalam kajian ini. Daripada sejumlah 40 pelajar, 8 di antara mereka merupakan pelajar bukan Melayu.

Dengan setiap waktu belajar diberi masa 20 minit, pelajar mengikuti kelas Bahasa Melayu antara dua hingga tiga kali seminggu, dengan setiap kelas dijalankan selama 40 minit sehingga 1 jam 20 minit. Secara umumnya, pelajar menengah satu tahun ini kurang selesa atau tidak yakin apabila digesa berbahasa Melayu semasa kelas Bahasa Melayu kerana beberapa faktor seperti sekitaran keluarga yang lebih menggunakan Bahasa Inggeris di rumah dan kebiasaan bertutur dalam bahasa tersebut di sekolah. Keterbatasan pemikiran mereka terhadap keupayaan Bahasa Melayu untuk melahirkan idea dan berkongsi pendapat semasa kelas Bahasa Melayu berlangsung amat ketara dari gerak tubuh, mimik muka dan pengucapan yang tersekat-sekat. Oleh demikian, pelajar ini menjadi subjek terbaik bagi tujuan kajian ini.

Instrumen Kajian

Alat kajian yang digunakan ialah senarai soal selidik untuk mengukur respons pelajar sebelum pembelajaran bergerak dimulakan, pemerhatian guru Bahasa Melayu yang mengiringi para pelajar semasa proses tersebut berlangsung serta sesi temu bual yang dilaksanakan secara berkumpulan untuk mengurangkan sebarang ketidak selesaian para pelajar.



Prosedur Kajian

Kajian dijalankan dalam tiga tahap iaitu semua pelajar disoal selidik sekurang-kurangnya seminggu sebelum lawatan ke Persisiran Marina diadakan supaya guru-guru boleh membuat persiapan yang wajar bagi menangani jangkaan para pelajar. Kemudian pemerhatian guru ke atas kumpulan tertentu semasa pembelajaran bergerak berlangsung untuk membandingkan tahap keselesaan serta keyakinan pelajar dalam berinteraksi dan melengkapkan tugas yang diberi dengan pengalaman mengajar pelajar-pelajar yang sama di bilik darjah. Hal yang sama dilakukan untuk mengetahui sejauh mana teknologi maklumat dapat digunakan para pelajar untuk membantu mereka dalam menyelesaikan tugas yang diberi. Langkah terakhir dalam pelaksanaan kajian ini ialah sesi temu bual yang diatur beberapa hari selepas tamatnya pembelajaran bergerak ini memandangkan ia diatur semasa kelas Bahasa Melayu mereka. Tiga pelajar dari setiap aliran dipilih secara rambang memandangkan rata-rata semua pelajar Bahasa Melayu Sekolah Menengah CHIJ Katong Convent mempunyai profil yang hampir serupa. Mereka dijemput untuk berkongsi pandangan secara lisan dalam Bahasa Melayu. Situasi ini sekali lagi menimbulkan ketidakselesaan selain menjejaskan keyakinan mereka dalam berkongsi pendapat kerana mereka sedar bahawa guru sedang memerhati tutur kata serta ekspresi mereka.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Sebelum pembelajaran bergerak dijalankan di Persisiran Marina, beberapa keraguan pelajar diketengahkan atas sebab konflik pemilihan tempat dan pendapat pelajar. Tinjauan pralawatan menunjukkan bahawa hampir 80% pelajar merasai bahawa tempat yang dipilih bukanlah lokasi yang dijangkakan bagi pembelajaran Bahasa Melayu.

Namun, pelajar dibenarkan membentuk kumpulan sendiri dengan tiga anggota lain sebelum diberikan lembaran kerja dan komputer tablet *iPad*. Pemulangan kuasa serta hubungan mesra di antara ahli kumpulan secara tidak langsung meringankan tugas



yang diberi walaupun ianya perlu disiapkan dalam Bahasa Melayu dalam masa yang terbatas.

Penggunaan *iPad* dan aplikasi *ThinkLink* bagi aktiviti susulan pembelajaran bergerak ini selain kemudahan internet telah membantu menyemarakkan suasana pembelajaran di Persisiran Marina. Berdasarkan pemantauan guru, pelajar kelihatan selesa menggunakan teknologi maklumat seperti memetik gambar melalui kamera digital yang termuat dalam *iPad*. Berdasarkan arahan yang diberikan dalam lembaran kerja, soalan-soalan yang diajukan dapat dijawab setelah penyelidikan dilakukan secara *online* atau dalam talian dan perbincangan diadakan bersama ahli kumpulan.

Sungguhpun lawatan berpandu di sekitar Persisiran Marina dijalankan oleh pemandu pelawat Persisiran Marina dalam Bahasa Inggeris, guru-guru mendapati bahawa kemudahan kamus elektronik membolehkan pelajar-pelajar mendapatkan terjemahan Bahasa Melayu dengan mudah. Dengan ini, pelajar-pelajar berpeluang meneroka tempat-tempat lain di sekitar Persisiran Marina tanpa terikat kepada pemandu pelawat. 100% pelajar yang ditinjau berpendapat bahawa kemudahan *iPad* dan internet yang disediakan menyenangkan tugas mereka. Tidak seperti pelajaran yang dijalankan di dalam bilik darjah di mana pelajar-pelajar sering meminta bantuan guru untuk menterjemah perkataan dari Bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu, pembelajaran bergerak seakan membebaskan guru dari tugas sampingan ini iaitu sebagai penterjemah bahasa.

Oleh kerana ramai pelajar telah terbiasa dengan penggunaan komputer tablet seperti *iPad*, pembelajaran bergerak yang dijalankan selama tiga jam ini berlangsung tanpa pelajar-pelajar menampakkan rasa kurang selesa yang lazim dilihat semasa kelas Bahasa Melayu selama sepertiga masa tersebut. Pelajar yang ditugaskan memegang *iPad* pula lebih yakin memimpin kumpulan sungguhpun tidak semua dipilih berdasarkan kemahiran Bahasa Melayu mereka.

Semua atau 100% pelajar bersetuju dengan keberkesanan pembelajaran bergerak dalam merangsang pelajar menggunakan bahasa Melayu bagi tujuan komunikasi dan meningkatkan rasa hormat kepada bahasa Melayu. Lembaran kerja yang mengandungi

soalan-soalan subjektif berjaya dijawab manakala 100% pelajar juga memberi jawapan yang diingini. Peratusan ini agak tinggi jika dibandingkan dengan latihan yang diberikan kepada pelajar di dalam darjah di mana tiada kemudahan teknologi maklumat dibenarkan.

Para pelajar turut berkongsi pengalaman mereka menyertai lawatan ke Persisiran Marina dalam kegiatan pembelajaran bergerak ini.

1. Saya rasa seronok belajar Bahasa Melayu di luar darjah. Saya harap lebih banyak lawatan akan diadakan di masa hadapan.
2. Jika kita boleh gunakan *iPad* semasa kelas, saya rasa pelajaran akan lebih menyeronokan.

Oleh demikian, kajian ini berkesan dalam membuktikan bahawa para pelajar lebih selesa dan yakin dalam menjalankan tugas untuk pelajaran Bahasa Melayu sekiranya kelas dijalankan di luar bilik darjah dan disokong teknologi maklumat. Perubahan sikap para pelajar yang lebih positif ini menunjukkan peningkatan rasa hormat mereka terhadap Bahasa Melayu yang kurang ketara pada masa-masa tertentu di dalam bilik darjah.

KESIMPULAN

Kes kajian ini belum dapat menyimpulkan dengan pasti bahawa satu sesi pembelajaran bergerak berjaya meningkatkan rasa hormat para pelajar terhadap Bahasa Melayu namun apa yang ketara ialah ia berupaya membuat pelajar-pelajar selesa menggunakan Bahasa Melayu. Bagi penutur jati bahasa ini, mereka menampakkan keyakinan yang lebih menonjol lebih-lebih lagi kerana mereka disokong teknologi maklumat yang berupa komputer tablet *iPad*. Lembaran kerja yang dibawa sama untuk pembelajaran bergerak juga berjaya dilaksanakan tanpa bantuan guru. Tugas pos-lawatan di mana aplikasi *ThinkLink* perlu digunakan sebelum ianya dihantar melalui laman *Edmodo* untuk pemeriksaan guru merupakan lanjutan bagi pembelajaran bergerak. Jika lebih banyak sesi sebegini dirancang dan dijalankan, besar kemungkinan Bahasa Melayu lebih



selesa digunakan oleh para pelajar Sekolah Menengah CHIJ Katong Convent dengan kesannya dilihat semasa pelajaran 'dikembalikan' ke bilik darjah. Keyakinan pelajar-pelajar Melayu juga bertambah kerana lapor balik positif guru berdasarkan mutu kerja yang dihantar menggunakan teknologi maklumat. Rasa hormat para pelajar terhadap bahasa Melayu memerlukan masa untuk dipupuk memandangkan konteks Singapura yang moden lagi kosmopolitan namun peluang yang diwujudkan pembelajaran bergerak serta teknologi maklumat memberi harapan kepada guru-guru Bahasa Melayu bahawa usaha mereka boleh diringankan.

Nota:

Guru berikut turut terlibat dalam kajian yang dijalankan.

1. Hezrina Johan Manikam
2. Noraziah Md Yahya
3. Zairina Md Zen

RUJUKAN

Jeyavany A/P Eswaran (2008). *Investigating the ESL Teachers' and Students' Attitude Towards the Use of Computer in English Language Classroom*. Universiti Teknologi Malaysia: Disertasi Sarjana Sains dan Pendidikan.

Kukulska-Hulme, Agnes. (2007). Mobile usability in educational contexts: What have we learnt? *International Review of Research in Open and Distance Learning*, 8(2). P.1-16.

McConatha, Douglas. Praul, Matt. Lynch, Michael J. (2008). Mobilelearningin higher education: An empirical assessment of a new educational tool. *Turkish Online Journal of Educational Technology*, 7(3).

Shih, Y.E. & Mills, D. (2007). Setting the new standard with mobile computing in onlinelearning. *The International Review of Research in Open and Distance Learning*, 8(2).



Traxler, J. (2007). Defining, discussing, and evaluating mobilelearning: The moving finger writes and Having writ... . *International Review of Research in Open and Distance Learning*, 8(2).

Sumber Elektronik

Mobile Learning Network dipetik dari <http://www.molenet.org.uk>

Tribal Case Studies dipetik dari <http://m-learning.org>

Use of ICT To Innovate Students dipetik dari <http://cc.mlearnopedia.com>

